

# Menjunjung Kasih Canselor USIM hari ini

SEREMBAN 29 Nov. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan mengadakan Majlis Menjunjung Kasih Tuanku Canselor yang akan diadakan di Dataran Canselori Bangunan Canselori esok.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Bahagian Komunikasi dan Perhubungan Antara-bangsa USIM, majlis berkenaan diadakan sempena menghargai jasa Canselor USIM, Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin sepanjang sembilan tahun lalu.

“Tuanku Najihah telah dimasyhurkan sebagai Canselor USIM pada 9 Ogos 2009 dan khidmat baginda sebagai Canselor universiti akan tamat pada esok.

“Sebagai menghargai jasa dan budi baginda yang telah memayungi universiti ini selama sembilan tahun, maka pihak universiti akan mengadakan majlis itu sebagai tanda penghargaan seluruh warga universiti,” jelas kenyataan itu.

Canselor USIM, Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin dijadual berangkat pada majlis berkenaan.

Tetamu lain yang dijangka hadir pada majlis berkenaan ialah Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Md. Noor dan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Muhamad Muda.